

'Usah jaja isu tanggung projek'

Pusat banyak tanggungjawab lain, bukan hanya tumpu monorel, PORR

Oleh Norakmah Mat Youb
Norakmah@nstp.com.my

GEORGETOWN: Isu penangguhan projek monorel dan Jalan Lingkaran Luar Pulau Pinang (PORR) tidak seharusnya terus menghantui kerajaan negeri, kata Menteri Kewangan Kedua, Tan Sri Nor Mohamed Yakcop.

Beliau berkata, Kerajaan Pusat mempunyai banyak tanggungjawab lain yang perlu diselesaikan demi kepentingan rakyat, bukannya hanya menumpukan kepada dua projek berkenaan di negeri ini.

"Pada masa ini, negara mengalami pelbagai isu berhubung kenaikan harga minyak dan barang lain. Jadi, Kerajaan Pusat ada tanggungjawab besar kepada negara.

"Oleh itu, saya mahu kerajaan negeri tidak terlalu ghairah dengan hanya dua projek itu," katanya kepada pemberita selepas merasmikan forum anju-

ran Yayasan Buah Pinggang Negara di sini, semalam.

Dua projek itu ditangguhkan dalam Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9), masing-masing membabitkan kos RM2 bilion dan RM1.5 bilion.

Penangguhan projek itu menyebabkan rasa tidak puas hati kerajaan negeri dan Ketua Menteri, Lim Guan Eng, merayu kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi meneruskannya.

Nor Mohamed berkata,

FAKTA NOMBOR

RM2
bilion

Kos pembinaan projek monorel

RM1.5
bilion

Kos projek Jalan Lingkaran Luar Pulau Pinang

dalam keadaan dana dan hasil yang terhad ketika ini, kerajaan juga perlu bertanggungjawab menggunakan sumbernya secara paling berhemat.

"Kita perlu fikirkan mekanisme bersesuaian untuk menggunakan sumber dengan cara berhemat tetapi pada masa sama tetap menjaga kepentingan rakyat," katanya.

Sementara itu, Guan Eng, terus 'menyerang' Kerajaan Pusat berhubung penangguhan projek berkenaan dengan mendakwa ia bertujuan mensabotaj ekonomi Pulau Pinang.

Bercakap pada sidang media di pejabatnya di sini, semalam, beliau mendakwa Perdana Menteri sudah 'tidak sayangkan' Pulau Pinang kerana menangguhkan projek itu.

"Apa yang dilakukan Kerajaan Pusat adalah satu penganiayaan. Ini adalah satu usaha untuk sabotaj ekonomi Pulau Pinang," katanya.



TUNJUK BAKAT: Nor Mohamed menendang bola sebagai tanda merasmikan kejohanan bola sepak sembilan sebelah di Tasek Gelugor, semalam.